



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1962](#) > [July](#) > [31](#) > [Page 5](#) > [Badan2 sukarela di-selar dlm kursus politik UMNO S'gor](#)



Badan2 sukarela di-selar dlm kursus politik UMNO S'gor

Berita Harian, 31 July 1962, Page 5

Share    

Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

Badan2 sukarela di-selar dlm kursus politik UMNO S'gor

MEREKA MELEMAHKAN PERGERAKAN UMNO, KATA PESERTA2

KLANG, Ithnin

SELARAN2 hebat terhadap beberapa buah badan sukarela telah di-buat oleh dua tokoh UMNO Selangor waktu merumuskan kertas kerja mengenai Pemuda dan Kaum Ibu UMNO dalam majlis kursus politik UMNO Selangor semalam.

Kursus itu telah berlangsung di-Dewan Melayu di-sini di-ikuti oleh 300 peserta terdiri dari anggota2 UMNO dari beberapa Bahagian di-seluruh Selangor. Dato Kampo Rajo bin Bagindo Kayo, Pengerusi sidang penuh kursus itu telah menentang kesimpulan kertas kerja itu yang menggalakkan pemuda dan Kaum Ibu UMNO men-champori badan2 sukarela di-negeri ini.

Kata-nya, banyak badan2 sukarela di-negeri ini lebeh banyak memberi

kesan buruk terhadap UMNO daripada yang baik, kerana bila badan2 itu ditubuhkan maka lumpohlah UMNO di-daerah itu.

Menurut Dato itu badan2 sukarela itu mula-mula banyak "memberi gula2" kepada anggota2-nya hingga anggota2 UMNO sendiri sanggup mening-

galkan parti politik-nya.

Sa-bagai contoh di-sebutkan Persekutuan Perkumpulan Wanita (Women's Institute) yang menurut-nya lebih "banyak Kaum Ibu UMNO."

Hal seperti itu, katanya, telah berlaku di-kampung Sungai Merap, Ulu Langat, dan mungkin berlaku di-tempat2 lain.

Tambah hangat

Majlis kursus itu bertambah hangat bila Tuan Haji Zakaria bin Haji Taib, Ketua UMNO Ulu Langat menyokong pendapat Dato Kampo Raja itu.

Menurut-nya, Pertubuhan Pemuda Desa juga akan "membimbangkan" Pemuda UMNO kerana kalau pengaruh pertubuhan itu meluas Pemuda UMNO menjadi lemah.

Kedua2 pendapat ini telah di-tentang oleh Tuan Haji Ahmad bin Mohammad Arif yang menyatakan bahawa perasaan "benchi" terhadap badan2 sukarela tidak harus dilahirkan dalam majlis tersebut.

Bellau telah di-sokong oleh Inche Abdul Malik bin Haji Abdul Halim, Ketua Pemuda Bahagian Klang.

Kata-nya: "Saya berseru kepada peserta2 kursus ini supaya jangan menerima pengaruh yang berupa ugutan itu. Ini ada-lah ugutan2 sahaja.

(Peserta2 majlis itu ketawa). Tidak ada tanda2 bahawa Pertubuhan Pemuda Desa akan melemahkan UMNO, menurut-nya dan berkata:

"Saya akui, tampok Pertubuhan itu di-pegang oleh orang2 UMNO sendiri."

Puan Hajjah Hajjar, Ketua Kaum Ibu UMNO

Selangor ikut membea Perkumpulan Wanita dan menafikan tuduhan bahawa Kaum Ibu UMNO menjadi lemah kerana badan sukarela seperti Perkumpulan Wanita itu.

Jasa UMNO

Perkumpulan Wanita itu ujud dengan jasa Kaum Ibu UMNO sendiri, katanya.

Bagaimana pun, kesimpulan kertas kerja itu telah di-setujui oleh peserta2.

Semua 300 peserta yang hadir pada akhir majlis kursus itu telah berikrar untuk melaksanakan semua kesimpulan kertas

kerja yang di-rumuskan, antara-nya:

- Berikhtiar meninggikan taraf pelajaran anak2 Melayu;
- Berikhtiar meninggikan taraf ekonomi Melayu dan berazam memberantas kapitalis;
- Menggalakkan kaum ibu Melayu bergerak chergas dalam badan2 slash.

Kursus UMNO Selangor yang berjalan selama dua hari dan berakhir petang semalam telah membahathkan tiga kertas kerja, ia-itu;

PERTADBIRAN dan susunan UMNO oleh Inche Hamzah Alang Setiausaha Pemuda UMNO Malaya;

PEMUDA dan Kaum Ibu UMNO — Inche Tahir Majid, anggota Majlis Negeri; dan

PERANAN Sharikat Kerjasama dalam meninggikan taraf hidup ra'ayat oleh Inche Abdul Majid Muhammad, Pengetua Maktab Sharikat Kerjasama, di-Petaling Jaya.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31